

Henti bicara peralihan kuasa PM, kata Rafidah

PUTRAJAYA - Bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz menegaskan kenyataan berulang kali berkaitan peralihan kuasa Perdana Menteri tidak mendatangkan sebarang kebaikan melainkan menyebabkan ketidaktentuan dalam negara.

Beliau berkata, semua pihak perlu memberi peluang kepada Tun Dr Mahathir Mohamad meneruskan tugasnya sebagai Perdana Menteri.

"Marilah berhenti bercakap tentang isu ini kerana ada pihak di luar sana iaitu pelabur, orang yang berpotensi menjadi rakan niaga, tidak pasti ke mana arah kita (negara)," katanya di sini semalam.